

AMALAN TABAYYUN DALAM KALANGAN BELIA: ANALISIS TERHADAP PENERIMAAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU DI MEDIA SOSIAL

Fazirawatie Sarudin

Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

E-mel: 25MT14003P@postgrad.uis.edu.my

Rahmahtunnisah Sailin

Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

E-mel: rahmahtunnisah@uis.edu.my

Md Rozalafri Johori

Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

E-mel: rozalafri@uis.edu.my

ABSTRAK

Penyebaran maklumat palsu di media sosial merupakan isu serius yang memberi kesan besar terhadap tingkah laku masyarakat, khususnya belia yang menjadi pengguna utama platform digital. Sifat media sosial yang pantas dan terbuka telah mendorong kepada budaya berkongsi maklumat tanpa semakan yang akhirnya menyumbang kepada penularan berita tidak sahih. Dalam konteks ini, amalan tabayyun yang dianjurkan dalam Islam sangat relevan sebagai benteng kepada penyebaran maklumat palsu. Tabayyun merujuk kepada proses menyemak, menilai dan memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum ia diterima atau disebarkan kepada orang lain. Konsep ini bukan sahaja membawa nilai keagamaan, tetapi juga menggalakkan tanggungjawab sosial dalam komunikasi. Belia sebagai ejen perubahan sosial perlu diberikan pendedahan yang lebih sistematik mengenai kepentingan tabayyun dalam dunia digital yang kompleks. Kertas konsep ini menganalisis bagaimana tahap amalan tabayyun dalam kalangan belia dipengaruhi oleh empat faktor utama: tahap literasi media, pengaruh rakan sebaya dan komuniti dalam talian, persepsi terhadap kebenaran, serta nilai agama dan etika. Berdasarkan pendekatan literasi media oleh Potter (2004), satu model konseptual dicadangkan bagi memahami hubungan antara faktor-faktor ini dengan kecenderungan belia menerima dan menyebarkan maklumat palsu. Cadangan ini penting dalam merangka intervensi strategik yang mampu memperkuat budaya celik maklumat dan etika komunikasi dalam kalangan belia. Dapatan dijangka dapat membantu membentuk generasi pengguna media sosial yang lebih bertanggungjawab, berintegriti dan berdaya fikir tinggi dalam era digital yang mencabar ini.

Kata kunci: tabayyun; belia; maklumat palsu; media sosial; literasi maklumat

1. PENGENALAN

Dalam era digital masa kini, media sosial menjadi platform utama dalam interaksi sosial, perkongsian maklumat dan pembentukan pendapat dalam kalangan belia. Namun, peningkatan penggunaan media sosial turut membawa kepada risiko penyebaran maklumat palsu, tidak sahih dan dimanipulasi. Golongan belia merupakan kumpulan paling aktif dalam penggunaan media sosial, sekaligus menjadikan mereka terdedah kepada pelbagai bentuk maklumat yang tidak ditapis dan berpotensi mencetuskan kekeliruan atau konflik dalam masyarakat (Nuramaliya & Rosmawati, 2021).

Literasi maklumat adalah keupayaan mengenal pasti, menilai dan menggunakan maklumat secara berkesan. Dalam konteks media sosial, kecekapan ini menjadi semakin kritikal kerana ramai pengguna menjadi mangsa kepada penyebaran berita palsu. Kajian mendapati bahawa golongan belia cenderung berkongsi maklumat tanpa proses semakan fakta atau verifikasi, disebabkan oleh sifat impulsif, keinginan untuk menjadi yang pertama menyebarkan berita dan kekurangan pengetahuan berkaitan sumber sahih (Mohamad Zulkifli et al., 2019).

Dalam konteks ini, konsep tabayyun yang berasal dari ajaran Islam menawarkan satu pendekatan yang relevan dan praktikal. Tabayyun merujuk kepada kewajipan untuk menyemak dan mengesahkan sesuatu maklumat sebelum mempercayai atau menyebarkannya, sebagaimana terkandung dalam Surah al-Hujurat ayat 6. Prinsip ini menekankan tanggungjawab moral dan etika dalam berkomunikasi, selari dengan keperluan literasi maklumat dalam era maklumat digital yang pantas dan kompleks (Sufiean et al., 2020). Tambahan pula, Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama berpotensi berdepan risiko perpecahan sosial sekiranya maklumat palsu disebarkan tanpa adanya kawalan. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis amalan tabayyun dalam kalangan belia dari empat dimensi utama iaitu tahap literasi media, pengaruh rakan sebaya dan komuniti dalam talian, persepsi terhadap kebenaran, serta peranan nilai agama dan etika.

2. LATAR BELAKANG

Tabayyun merupakan konsep penting dalam etika komunikasi Islam yang digariskan dalam Surah al-Hujurat, ayat 6 yang bermaksud, *"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (tabayyun) terlebih dahulu..."*. Konsep ini menyeru kepada keperluan untuk menyemak kesahihan maklumat sebelum membuat sebarang keputusan atau menyebarkannya kepada orang lain. Dalam konteks komunikasi moden, tabayyun berperanan sebagai satu panduan dan etika untuk mencegah penyebaran berita palsu, fitnah atau maklumat yang boleh mencetuskan konflik sosial. Nilai-nilai seperti berhati-hati, bertanggungjawab dan berfikir sebelum bertindak adalah sejajar dengan amalan tabayyun (Wan Mohd Azam & Nurul Shafika, 2020).

Berbeza dengan pendekatan teknikal seperti algoritma pengesahan fakta, tabayyun memberi penekanan kepada niat dan adab pengguna sebagai asas pemikiran kritikal. Ia mengimbangi antara kemahiran menilai maklumat dan nilai moral dalam penyebaran maklumat menjadikannya sangat relevan dalam mendidik belia menggunakan medium media secara beretika.

3. ISU DAN SOROTAN LITERATUR

3.1 Tahap Literasi Media Belia

Literasi media merujuk kepada keupayaan individu untuk mengakses, menganalisis, menilai dan menghasilkan maklumat media dengan cara yang bijaksana (Potter, 2004). Tahap literasi media yang rendah menyebabkan belia mudah menerima maklumat tanpa semakan dan berkongsi maklumat yang belum dipastikan kesahihannya. Kajian oleh UNESCO (2011) menekankan perlunya pendekatan pendidikan literasi maklumat yang menggabungkan aspek kognitif dan nilai. Potter (2010) turut menekankan bahawa literasi media melibatkan tiga komponen utama iaitu kecekapan kognitif, emosi dan moral.

3.2 Pengaruh Rakan Sebaya Dan Komuniti Dalam Talian

Pengaruh sosial memainkan peranan penting dalam tindakan belia di media sosial. Merekacenderung mengikuti norma kumpulan dan mempercayai maklumat yang dikongsi oleh rakan sebaya atau komuniti digital yang dipercayai. Ini memberi tekanan untuk berkongsi maklumat tanpa proses verifikasi, demi mendapatkan penerimaan sosial (Bandura, 2001; Chua & Banerjee, 2017).

3.3 Persepsi Terhadap Kebenaran Sesuatu Maklumat

Persepsi seseorang terhadap kebenaran maklumat sering dipengaruhi oleh kecenderungan kognitif seperti *confirmation bias*. Belia lebih cenderung mempercayai maklumat yang selari dengan


kepercayaan mereka walaupun tanpa bukti yang sahih (Lewandowsky et al., 2012). Ini menunjukkan bahawa persepsi tidak semestinya dibina atas asas fakta, tetapi juga oleh faktor psikologi dan pengalaman peribadi.

3.4 Peranan Nilai Agama Dan Etika Dalam Menapis Maklumat

Nilai agama khususnya prinsip tabayyun dalam Islam, menggariskan kepentingan menyiasat maklumat sebelum mempercayai atau menyebarkannya. Surah al-Hujurat ayat 6 menekankan kewajipan umat Islam untuk menyelidik berita yang dibawa oleh orang fasik agar tidak berlaku kezaliman terhadap pihak lain. Nilai ini wajar diterapkan dalam penggunaan media sosial oleh belia Muslim sebagai panduan moral (Yusof & Othman, 2020; Al-Qaradawi, 2010).

4. KERANGKA KONSEPTUAL DAN MODEL

Model yang digunakan dalam kertas konsep ini ialah Model Literasi Maklumat Empowering Eight yang dikembangkan oleh Wijetunge (2005), yang merangkumi lapan langkah pemprosesan maklumat secara menyeluruh daripada mengenal pasti keperluan maklumat hingga ke penerapan tindakan berasaskan penilaian kritikal. Model ini telah disesuaikan dengan nilai tabayyun dalam Islam, bagi membentuk pendekatan literasi maklumat yang berteraskan nilai etika dan tanggungjawab sosial. Penyesuaian ini memberi penekanan kepada keupayaan belia untuk mengenal pasti maklumat yang mencurigakan, menyemak kesahihan daripada pelbagai sumber, menilai kesan penyebaran, dan seterusnya membuat keputusan sama ada untuk berkongsi atau menolak maklumat tersebut. Model ini sesuai untuk menganalisis kecenderungan belia dalam menerima dan menyebarkan maklumat palsu di media sosial secara lebih berhikmah dan bertanggungjawab.



Model Empowering Eight ini diadaptasi untuk mengintegrasikan nilai tabayyun dalam konteks amalan belia di media sosial. Setiap fasa disesuaikan dengan tingkah laku pemeriksaan maklumat, penilaian kritikal, serta penyebaran maklumat yang beretika. Hal ini penting dalam menangani gejala penyebaran maklumat palsu secara impulsif dan tanpa verifikasi. Model ini bukan sahaja menumpukan kepada kemahiran teknikal dalam mencari dan menggunakan maklumat, tetapi juga melibatkan aspek penilaian, etika dan aplikasi dalam konteks sosial sebenar. Gabungan model ini

dengan nilai tabayyun memperkuat pendekatan literasi maklumat yang bukan sahaja kognitif, tetapi juga berteraskan nilai agama dan tanggungjawab moral. Ini penting dalam membentuk sikap berhati-hati dan tidak tergesa-gesa dalam menyebarkan maklumat satu isu kritikal dalam kalangan belia masa kini. Tambahan pula, struktur model yang bersifat kitaran membolehkan penilaian sendiri dan penambahbaikan berterusan dalam proses membuat keputusan berkaitan maklumat yang diterima. Maka, model ini diyakini mampu menjadi asas analisis yang holistik terhadap perilaku belia dalam ekosistem digital yang semakin mencabar.

Model Empowering Eight yang diadaptasi dengan nilai tabayyun dalam Islam merangkumi lapan fasa penting dalam proses pemahaman dan pengendalian maklumat, khususnya dalam kalangan belia yang aktif di media sosial. Proses ini bermula dengan Identify, iaitu keupayaan belia untuk mengenal pasti maklumat yang mencurigakan atau bersifat sensasi yang tular dalam talian. Ini diikuti oleh fasa Explore iaitu individu akan meneroka pelbagai sumber sahih dan berautoriti bagi memperoleh maklumat tambahan. Dalam konteks ini, prinsip tabayyun sangat relevan apabila seseorang dituntut untuk menyemak maklumat daripada sumber yang benar, bukan sekadar percaya pada persepsi awal. Seterusnya, dalam fasa Select, pengguna menilai dan memilih maklumat yang sahih dan relevan sahaja untuk diterima. Proses ini memerlukan pemikiran kritikal serta pengetahuan asas tentang kesahihan sumber, termasuk latar belakang pengirim maklumat dan kredibiliti kandungan. Setelah maklumat dipilih, fasa Organise menuntut agar maklumat tersebut disusun dan diolah semula secara logik agar tidak menimbulkan kekeliruan. Ini penting dalam memastikan maklumat yang disebarkan nanti mudah difahami dan tidak disalah tafsir.

Dalam fasa Create, individu membina kefahaman baharu atau menghasilkan mesej dan kandungan berdasarkan maklumat yang telah disahkan, contohnya dalam bentuk teks penjelasan, infografik atau video pendek. Kemudian, pada fasa Present, maklumat tersebut dikongsi kepada khalayak dengan penuh tanggungjawab dan beretika sejajar dengan ajaran Islam agar tidak menyebarkan sesuatu yang boleh menimbulkan fitnah, keresahan atau aib kepada pihak lain. Dua fasa terakhir iaitu Assess dan Apply mengukuhkan lagi amalan tabayyun. Dalam fasa Assess, belia menilai kesan penyebaran maklumat tersebut sama ada ia membawa manfaat atau kemudaratannya kepada masyarakat. Akhirnya, dalam fasa Apply, nilai-nilai yang diperoleh digunakan dalam tindakan harian, termasuk dalam membuat keputusan sama ada untuk menyebarkan atau menolak maklumat yang diterima.

5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam dunia digital hari ini, pendekatan tabayyun berperanan penting sebagai benteng terhadap gejala penyebaran maklumat palsu. Golongan belia sebagai pengguna utama media sosial memerlukan panduan bukan sahaja dari segi kemahiran teknikal, tetapi juga dari segi nilai dan etika. Walaupun ini merupakan kertas konsep, satu kajian empirikal dicadangkan untuk masa hadapan. Kajian kuantitatif menggunakan soal selidik boleh dijalankan terhadap belia Muslim berumur 18-30 tahun bagi menilai tahap amalan tabayyun dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Pembolehubah bebas meliputi tahap literasi media, pengaruh rakan sebaya, persepsi terhadap kebenaran dan nilai agama. Pembolehubah bersandar ialah tahap kecenderungan menerima dan menyebarkan maklumat palsu. Kertas konsep ini menegaskan bahawa amalan tabayyun dalam kalangan belia harus difahami dalam konteks literasi maklumat berteraskan nilai. Gabungan antara tahap literasi media, pengaruh sosial, persepsi terhadap kebenaran dan nilai agama memberi gambaran menyeluruh terhadap proses bagaimana maklumat palsu diterima dan disebarkan. Maka, pendekatan bersepadu yang melibatkan pendidikan, nilai dan kesedaran sosial amat diperlukan untuk membentuk generasi belia yang lebih bertanggungjawab dalam ekosistem media digital.

6. RUJUKAN

- Al-Qaradawi, Y. (2010). Islamic ethics and modern society. Islamic Book Trust.
- Bandura, A. (2001). Social cognitive theory of mass communication. *Media Psychology*, 3(3), 265–299. https://doi.org/10.1207/S1532785XMEP0303_03
- Chua, A. Y. K., & Banerjee, S. (2017). "Fake news" on social media: A review of research. *Information Development*, 33(3), 346–355.
- Islam, R., & Tsuji, K. (2010). Evaluating information literacy competency of the students in the Information Science and Library Management department of the University of Dhaka, Bangladesh. 2010 International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M), 1–5. <https://doi.org/10.1109/ICT4M.2010.5971907>
- Julien, H., & Williamson, K. (2011). Discourse and practice in information literacy and information seeking: Gaps and opportunities. *Information Research*, 16(1). <http://informationr.net/ir/16-1/paper458.html>
- Lewandowsky, S., Ecker, U. K. H., Seifert, C. M., Schwarz, N., & Cook, J. (2012). Misinformation and its correction: Continued influence and successful debiasing. *Psychological Science in the Public Interest*, 13(3), 106–131. <https://doi.org/10.1177/1529100612451018>
- Mohamad Zulkifli, M., Phayilah, M. H., & Mohamad, M. (2019). Pengaruh pemahaman tabayyun terhadap tindakan penerimaan maklumat melalui media sosial dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i3.205>
- Potter, W. J. (2004). *Theory of media literacy: A cognitive approach*. Sage Publications.
- Potter, W. J. (2010). *Media literacy* (5th ed.). Sage Publications.
- Rosmawati, M. R., & Nuramaliya, M. R. (2021). Amalan tabayyun netizen dalam menerima dan menyampaikan maklumat di media sosial. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 8(1), 96–109.
- Sufiean, M. S., Rauf, A. M. A., & Shazana, N. (2020). Factors influencing tabayyun in political information among Gen Z: A preliminary study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(3), 1–10. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v9-i3/7799>
- Surah al-Hujurat, Ayat 6. Al-Quran al-Karim.
- UNESCO. (2011). *Media and information literacy curriculum for teachers*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000192971>
- Wan Mohd Azam, W. A., & Nurul Shafika, N. H. (2020). Etika komunikasi Islam dalam penggunaan media sosial: Analisis prinsip tabayyun. *Jurnal Usuluddin*, 52(1), 45–60.
- Wijetunge, P. (2005). *Empowering 8: Information literacy model for Sri Lanka*. Sri Lanka Library Association.
- Yusof, N. M., & Othman, M. F. (2020). Analisis konsep tabayyun dalam penyebaran maklumat. *Jurnal Komunikasi Islam*, 8(2), 45–58.